

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (KOTA RAJA)

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perincian daripada lawatan rasmi Menteri Pertahanan China ke Malaysia pada 7 September 2020 yang tidak menerima liputan mana-mana media. Bagaimanakah lawatan tersebut dapat memperkukuhkan hubungan diplomasi antara dua negara serta dapat membantu negara menghadapi cabaran ekonomi ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan China mempunyai hubungan yang telah lama terjalin sejak tahun 1974 apabila Malaysia menjadi negara pertama di Asia Tenggara yang menjalin hubungan diplomatik dengan China. Hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dan China telah mula dimeterai melalui Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan yang telah ditandatangani pada tahun 2005.

Bersandarkan kepada keakraban dan peningkatan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara, pada 7 September 2020 Tuan Yang Terutama (TYT) Jeneral Wei Fenghe, Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China telah mengadakan lawatan ulung beliau ke Malaysia yang juga merupakan negara pertama yang dilawati dalam rangka lawatan kerja beliau ke beberapa negara di rantau Asia Tenggara.

Lawatan kerja Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China memfokuskan kepada hubungan pertahanan dua hala di mana Malaysia dan China telah mengesahkan komitmen untuk memperkukuhkan lagi

kerjasama pertahanan dua hala sedia ada. Lawatan ini memperlihatkan keyakinan kedua-dua pihak bahawa aktiviti dua hala antara Malaysia dan China akan kembali aktif apabila situasi wabak COVID-19 bertambah baik. Selain membincangkan mengenai hubungan pertahanan dua hala, kedua-dua pihak turut menyentuh mengenai cabaran dalam norma baharu COVID-19 serta isu keselamatan serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama termasuk Laut China Selatan. Malaysia menyatakan pendirian yang konsisten bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan dan sebarang perbezaan dan pertikaian harus ditangani secara damai dan rasional melalui dialog dan perundingan, tanpa sebarang ancaman atau menggunakan kekerasan.

Dalam membantu Malaysia menangani pandemik COVID-19, China adalah merupakan antara negara penyumbang terbesar yang memberi bantuan kepada Malaysia. Berdasarkan ikatan kerjasama yang erat, Kementerian Pertahanan Nasional Republik Rakyat China turut memberikan sumbangan bekalan perubatan khusus kepada petugas barisan hadapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM serta pakar perubatan daripada *People's Liberation Army* Republik Rakyat China turut berinteraksi melalui sidang video bagi berkongsi pengalaman dan membincangkan langkah-langkah terbaik dalam menangani situasi COVID-19. Bantuan-bantuan yang diterima ini membantu negara dalam meningkatkan semula kegiatan-kegiatan ekonomi.

Lawatan kerja Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China telah berjalan dengan lancar walaupun terikat dengan Prosedur Operasi Standard Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk pematuhan saringan COVID-19, pengawalan pergerakan dan tanpa liputan media. Walaupun dalam suasana ketidakpastian dan cabaran akibat wabak COVID-19, lawatan kerja Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China ke Malaysia mencerminkan kesungguhan Kerajaan China untuk memastikan hubungan diplomasi dan ikatan kerjasama antara kedua negara terus diperkukuhkan.

Terima kasih.